

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL
RASHID
(BUKIT BENDERA)**

TARIKH : 5 MAC 2025 (RABU)

SOALAN

**YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]
minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan:**

- a) langkah Kementerian untuk memperluaskan akses kepada program intervensi awal dan terapi untuk kanak-kanak autisme, terutama di kawasan luar bandar; dan
- b) bagaimana Kementerian merancang meningkatkan kesedaran tentang autisme di sekolah dan melatih guru untuk menyokong pelajar autisme secara inklusif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa cakna terhadap keperluan untuk membantu menyediakan platform yang bersesuaian bagi meningkatkan akses kepada program intervensi awal dan terapi untuk kanak-kanak autisme, terutama di kawasan luar bandar.
2. Kerajaan telahpun memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk membangunkan sebuah **Pusat Autisme**. Pusat yang akan ditubuhkan ini nanti akan menjadi satu hub dalam memberikan saringan awal dan sokongan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme. Untuk makluman, sekarang ini kerja-kerja awalan bagi penyediaan pusat ini sedang giat dilaksanakan.
3. Bagi memastikan program intervensi awal dan terapi untuk kanak-kanak autisme dilaksanakan secara berstruktur, KPWKM telah membangunkan dan seterusnya melancarkan **Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU Autisme** pada 3 Disember 2024. Modul ini bertujuan sebagai panduan latihan kepada semua pihak berkepentingan terutama pengusaha, pengendali, pengasuh, penjaga dan ibubapa di TASKA dan Pusat Jagaan OKU dalam memberikan pengasuhan, penjagaan dan intervensi awal kepada kanak-kanak OKU. Oleh itu, modul yang digunakan adalah seragam, tidak kira dimana jua keberadaan sama ada bandar atau luar bandar.
4. KPWKM akan terus melaksanakan pendekatan sedia ada bagi memudahcarakan pelaksanaan aktiviti intervensi awal kepada golongan yang memerlukan dapat terus dijalankan. Pendekatan dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KPWKM adalah melalui pemerkasaan sumber di peringkat komuniti melalui **Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**. Penetapan perkhidmatan dan fokus intervensi di sesuatu PDK boleh dilaksanakan melalui data bilangan OKU berdaftar di sesuatu kawasan berhampiran premis PDK. Data berkaitan kategori OKU, contohnya mempunyai bilangan OKU Autisme yang tinggi, boleh

menjadi asas dalam menentukan bentuk intervensi yang perlu dijalankan di PDK tersebut.

4. Selain pelaksanaan intervensi melalui premis PDK, KPWKM juga mengambil maklum bahawa terdapat kekangan yang dihadapi di peringkat komuniti setempat yang tidak memungkinkan kehadiran ke pusat PDK. Justeru, **khidmat lawatan ke rumah** turut dikendalikan oleh Petugas PDK. Petugas PDK diberikan latihan berbentuk Kursus Asas Petugas PDK dan lanjutan untuk memfokuskan kepada kemahiran dan program pemulihan OKU mengikut modul PDK dalam mengenal pasti ciri autisme dan melaksanakan intervensi awal.

5. Bagi tujuan advokasi dan kesedaran kepada masyarakat, KPWKM melalui JKM menganjurkan **program kesedaran** melalui media massa, ceramah komuniti, dan forum untuk ibu bapa dan penjaga tentang kepentingan intervensi awal. JKM juga turut menganjurkan **Seminar Kesedaran Autisme Peringkat Kebangsaan** secara tahunan bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang autisme, agar mereka lebih memahami cabaran yang dihadapi oleh individu dengan autisme dan memberi sokongan sosial yang lebih inklusif. Terkini, pada November 2024, JKM telah melaksanakan **Seminar Kesedaran Autisme dan Dysleksia Peringkat Kebangsaan** di PICC Shah Alam, Selangor.

6. Selain menjalankan **program kesedaran secara bersasar** di peringkat pelatih PDK, ibu bapa dan kakitangan di institusi JKM, KPWKM turut melaksanakan advokasi secara bekerjasama dengan pihak penyiaran seperti di televisyen dan radio dalam penyebaran maklumat berkaitan autisme. Advokasi secara meluas berkaitan kesedaran berkaitan autisme ini turut menjadi fokus di dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang dijalankan secara berjadual. Penglibatan agensi kerajaan yang berkepentingan, termasuklah dari sektor pendidikan turut bersama-sama menjayakan pelan tindakan berkaitan pemerkasaan OKU.

7. Berdasarkan data bilangan OKU berdaftar sehingga Disember 2024, OKU kategori Masalah Pembelajaran merupakan bilangan tertinggi iaitu 39% (294,257 berbanding 751,421 bilangan OKU berdaftar

keseluruhan). Mengikut rekod pendaftaran OKU Masalah Pembelajaran juga terdapat 56.2% OKU kategori Masalah Pembelajaran berada di peringkat umur 18 tahun ke bawah. Melalui data yang ditunjukkan ini, KPWKM menyambut baik syor supaya **program kesedaran secara berfokus** contohnya kesedaran autisme di sekolah wajar dilaksanakan supaya kesedaran mendapatkan pengesahan dan intervensi awal dapat dilaksanakan oleh ibubapa dan keluarga.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU
HASSAN
(KUALA PILAH)**

TARIKH : 5 MAC 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan mekanisme yang akan dilaksanakan
Kementerian bagi meringankan beban kewangan dari aspek kos
pendidikan bagi keluarga yang mempunyai anak autism melalui Bantuan
Yuran Pembelajaran Anak Autisme.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 telah mengumumkan Bantuan Yuran Pembelajaran Anak Autisme yang akan memanfaatkan sekitar 30,000 anak autistik dengan peruntukan sebanyak RM15 juta. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan kos pembelajaran yang mungkin menjadi beban bagi keluarga yang mempunyai anak dengan keperluan khas.
2. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan agihan peruntukan ini kepada kanak-kanak autisme yang layak. Tiga (3) kriteria pertimbangan utama bagi pelaksanaan pemberian Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme ini adalah:
 - i. Kanak-kanak adalah warganegara Malaysia yang berumur di bawah 18 tahun serta mempunyai kad pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
 - ii. Ibu bapa/penjaga adalah warganegara Malaysia dengan pendapatan perkapita tidak melebihi RM2000.00 sebulan.

Cara pengiraan perkapita:

Jumlah pendapatan isi rumah

Bilangan isi rumah

Contoh:

Pendapatan ibu RM3000 + Pendapatan Bapa RM4000
+ Pendapatan anak RM1500

Bilangan isi rumah 5 orang

= RM8500

5

= RM1700 (layak menerima subsidi)

iii. Pusat pembelajaran atau terapi autisme yang diusahakan oleh warganegara Malaysia dan berdaftar dengan agensi kerajaan/swasta/Badan Berkanun yang diiktiraf serta menyediakan perkhidmatan terapi atau *Intervention Early Programme* (IEP).

3. Pemberian Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak OKU Autisme merupakan pemberian bantuan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan secara sekaligus (one-off) kepada kanak-kanak autisme yang dihantar ke pusat-pusat yang memberikan perkhidmatan terapi atau Program Intervensi Awal/ Early Intervention Programme (EIP) kepada kanak-kanak OKU Autisme.

4. Objektif pemberian subsidi ini adalah untuk meringankan beban kos pembelajaran dan pemulihan bagi keluarga yang mempunyai anak dengan keperluan khas Autisme kerana kos bagi pembelajaran terapi adalah sangat tinggi mengikut sesi pembelajaran dan boleh mencapai ribuan ringgit sebulan.

5. Pemberian Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak OKU Autisme sebanyak RM500.00 seorang akan melibatkan seramai 30,000 orang kanak-kanak autisme yang layak akan dibayar melalui pusat-pusat pembelajaran atau pusat terapi Autisme di mana mereka menerima perkhidmatan terapi atau pembelajaran.

4. Bermula 1 Februari 2025, pengusaha pusat pembelajaran dan terapi Autisme boleh mendapatkan Borang Permohonan Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme di portal JKM atau Pejabat Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan/ Daerah/ Jajahan/ Bahagian/ Cawangan yang berdekatan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK
BRODI
(SRI AMAN)**

TARIKH : 5 MAC 2025 (RABU)

SOALAN

**YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan:**

- a) perancangan Kementerian untuk memperkenalkan pendidikan dan latihan kepada semua pengusaha pusat jagaan kanak-kanak atau TASKA atau dalam aspek keselamatan, penjagaan emosi, dan kebajikan kanak-kanak; dan

- b) adakah Kementerian akan mengadakan penilaian berkala ke atas standard operasi dan fasiliti di setiap pusat jagaan kanak-kanak di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan sentiasa memberi perhatian kepada aspek kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak di pusat jagaan dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar masing-masing di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308].
2. Pendidikan dan latihan kepada semua pengusaha TASKA telahpun dinyatakan dengan jelas di dalam **Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012**. Semua pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh TASKA diwajibkan menghadiri dan lulus **Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP)**. Kurikulum di dalam kursus meliputi topik-topik penting berkaitan domain perkembangan kanak-kanak, penjagaan dan latihan urus diri, keselamatan kanak-kanak dan amalan pengasuhan.
3. Selain kursus yang disyaratkan, KPWKM melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) juga mempunyai program latihan yang boleh disertai oleh orang awam termasuklah golongan pengusaha pusat jagaan. Latihan yang dijalankan adalah berbentuk latihan penjagaan asas kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Pada masa ini, kursus penjagaan yang dilaksanakan oleh ISM yang dinamakan sebagai **Kursus Peningkatan Kemahiran Sebagai Penjaga (Caregivers)**. Kursus ini ditawarkan kepada para penjaga di institusi kebajikan di bawah JKM, pusat jagaan, sukarelawan khidmat bantu di rumah (KBDR) serta individu yang menjaga ahli keluarga yang sakit. KPWKM sentiasa menggalakkan penyertaan mana-mana individu yang berminat untuk menyertai sesi latihan yang disediakan.

4. Seterusnya, KPWKM juga menggalakkan mana-mana pengusaha pusat jagaan untuk meningkatkan kemahiran dan menambah nilai dalam penyampaian perkhidmatan mereka khususnya untuk meningkatkan penjagaan yang berkualiti dan memastikan aspek keselamatan, pembangunan perkembangan dan keperluan psikososial penghuni pusat jagaan terpelihara.
5. Langkah bagi meningkatkan kompetensi dan pengiktirafan selaku pekerja mahir dalam bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti ini telahpun digerakkan. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan Badan Peneraju Industri atau *Industry Lead Body* (ILB) yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti sejak Ogos 2011. Di antara peranan yang dimainkan oleh JKM selaku ILB adalah membangunkan atau mengkaji semula **Standard Kemahiran dan Pekerjaan Kebangsaan atau National Occupational Skills Standard (NOSS)** dan mempromosikan Persijilan Kemahiran Malaysia kepada pemain industri di bawah Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti. Sehingga Disember 2024, pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di bawah bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti adalah seramai 6,597 orang terdiri daripada penjaga/kakitangan di pusat jagaan, sukarelawan, pengasuh di TASKA, petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), pegawai dan kakitangan JKM termasuk pemain industri Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti yang lain.
6. KPWKM telah memperkenalkan satu mekanisme baharu bagi tujuan pelaksanaan penilaian bagi memastikan standard operasi dan kemudahan di setiap pusat jagaan swasta yang berdaftar sentiasa mencapai standard minimum seperti yang ditetapkan. Pengendali pusat jagaan berdaftar dikehendaki membuat penilaian kendiri melalui **Sistem Penilaian Kendiri Pusat Jagaan (myKendiri)** bagi setiap enam (6) bulan selama tempoh sah perakuan pendaftaran pusat jagaan. Sebanyak 2,570 penilaian kendiri telah dilaksanakan bagi tahun 2022 hingga 2024. Pencapaian penilaian kendiri oleh pengendali pusat jagaan melalui sistem myKendiri akan disemak oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) pusat jagaan. PDBK pusat jagaan kemudiannya akan melaksanakan

pemeriksaan mengejut ke atas pusat jagaan yang memperolehi markah penilaian kendiri di bawah 50 peratus dalam masa 30 hari selepas keputusan penilaian kendiri diperolehi.

7. Bagi memastikan pusat jagaan termasuk pusat jagaan kanak-kanak dan TASKA diuruskan dengan baik, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa melakukan pemeriksaan berkala bagi memantau pengoperasian pusat jagaan dan TASKA daripada semasa ke semasa agar mematuhi peruntukan di bawah Akta 506 dan Akta 308. Pemeriksaan berkala ke atas pusat jagaan dan TASKA berdaftar ditetapkan sebanyak dua (2) kali setahun. Sebanyak 3,171 kali pemeriksaan berkala telah dilakukan ke atas pusat jagaan berdaftar dan sebanyak 5,861 kali pemeriksaan berkala telah dilakukan ke atas TASKA bagi tahun 2022 hingga 2024.
8. JKM juga melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas pusat jagaan dan TASKA bagi pemantauan pusat jagaan atau TASKA berdaftar dan tidak berdaftar. Sebanyak 2,172 pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan ke atas pusat jagaan dan 3,444 pemeriksaan mengejut ke atas TASKA bagi tahun 2022 hingga 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI
(BETONG)**

TARIKH : 5 MAC 2025 (RABU)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperkuuh penyertaan golongan kurang upaya dalam masyarakat termasuk pembangunan infrastruktur mesra OKU; dan program latihan kerja bagi memastikan inklusiviti mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil beberapa langkah penting dalam usaha memperkuuh penyertaan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam masyarakat serta pembangunan infrastruktur yang mesra OKU. Berikut adalah beberapa langkah utama yang diambil iaitu:

i. **Kempen Kesedaran dan Pendidikan**

- Meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat umum tentang hak dan keperluan golongan OKU melalui kempen kesedaran dan program pendidikan. Ini bertujuan untuk mengurangkan stigma dan meningkatkan penerimaan golongan OKU dalam masyarakat.
- KPWKM juga bekerjasama dengan sektor swasta dan NGO untuk menyediakan latihan kesedaran tentang keperluan OKU, khususnya di tempat kerja dan institusi pendidikan.

ii. **Perundangan dan Polisi**

- KPWKM dijangka meneruskan usaha untuk memperkuuh dan memantapkan pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 dengan menambah baik undang-undang dan polisi yang melibatkan hak OKU, termasuk dalam pendidikan, pekerjaan, dan akses kepada perkhidmatan sosial.
- Kerajaan juga berusaha memastikan bahawa golongan OKU mendapat peluang yang lebih baik dalam sektor pekerjaan dan latihan kemahiran.

iii. **Peningkatan Aksesibiliti dan Infrastruktur Mesra OKU**

- KPWKM telah bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan lain untuk memastikan pembangunan infrastruktur awam seperti bangunan, jalan raya, dan pengangkutan awam lebih mesra OKU. Ini

termasuklah memastikan kemudahan untuk OKU seperti tandas, *ramp*, dan akses yang lebih baik di kawasan awam terutama yang memberi perkhidmatan kepada golongan OKU.

- Program Audit Akses terhadap premis dan pengangkutan terus diperkuuhkan untuk memberi panduan kepada pembangun dan pengusaha dalam memastikan fasiliti yang mesra OKU.

iv. **Pembangunan Program Pekerjaan untuk OKU**

- KPWKM terus memperkenalkan inisiatif yang menyokong penyertaan golongan OKU dalam pasaran kerja melalui program seperti latihan kemahiran dan sokongan pekerjaan.
- Program keusahawanan OKU turut diperkuuhkan bagi memberi peluang kepada golongan OKU untuk memulakan perniagaan dan meningkatkan taraf hidup mereka.

v. **Penggunaan Teknologi untuk Membantu OKU**

- Penggunaan teknologi yang sesuai dan inovatif untuk membantu golongan OKU terus dipromosikan. Ini termasuk penggunaan peralatan bantuan seperti aplikasi mudah alih, peranti pembesar suara, dan sistem komunikasi alternatif yang dapat mempermudah penyertaan golongan OKU dalam kehidupan seharian.

vi. **Sokongan Keluarga dan Komuniti**

- KPWKM juga memberi perhatian kepada sokongan kepada keluarga yang menjaga golongan OKU melalui bantuan kewangan dan program sokongan psikososial.
- Program-program untuk meningkatkan kualiti hidup OKU, seperti pusat pemulihan dan komuniti inklusif, juga diteruskan.

2. Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan kemudahan institusi latihan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dalam memastikan inklusiviti OKU dalam sektor pekerjaan iaitu:
 - i. **Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP)** yang memberi tumpuan kepada bidang latihan berasaskan kemahiran, pemulihian, industri alat sokongan dan sukan para. PLPP juga berperanan membantu mendayaupayakan OKU ke tahap paling optimum dan produktif agar OKU berdaya saing dalam pasaran kerja terbuka; dan
 - ii. **Bengkel Daya** bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang sukar bersaing di pasaran terbuka. Di bengkel ini, OKU dilatih agar berdikari dan meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu bagi membolehkan mereka mendapat peluang untuk memasuki pasaran pekerjaan terbuka. Bengkel Daya terdapat di dua (2) lokasi iaitu Klang, Selangor dan Sungai Petani, Kedah.
3. KPWKM turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain serta pihak swasta untuk memastikan kemudahan latihan dan pekerjaan bagi OKU terus berkembang.

Sekian, terima kasih.